MEEM Gold

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

HELAIAN PENERANGAN PRODUK



03-55231231
mail@kbsebullion.my
www.meem.com.my

ISI KANDUNGAN

TERMA DAN SYARAT MENURUT PRODUK MEEM GOLD 5

1. DEFINISI & TAFSIRAN 5

1.1 Tafsiran Bagi "Gold Safe Storage (GSS)" 7

2. KONTRAK SHARIAH 8

3. JENIS-JENIS PRODUK 9

3.1 Belian Terus 9

3.2 Gold Safe Storage (GSS) 9

a) Individu* 9

b) Pemilikan Syarikat/Organisasi/Pertubuhan* 9

a) Individu 9

b) Pemilikan Syarikat/Organisasi/Pertubuhan 9

3.2.3 Faedah Gold Safe Storage (GSS) 9

4. MAKLUMAT DAN SYARAT PEMBELIAN 10

4.1 Penyata Transaksi 10

4.2 Baki Minimum Emas (Gram) 10

4.3 Simpanan Emas Fizikal 10

5. HARGA JUALAN DAN BELIAN EMAS 10

6. CARA PEMBELIAN PRODUK MEEM 11

6.1 Pembelian Secara Terus 11

6.2 Pembelian Gold Safe Storage (GSS) 15

7. PEMBUKAAN AKAUN, BELIAN, JUALAN, PENEBUSAN, JUAL SEMULA EMAS, *EXCHANGE* PROGRAM DAN JUALAN SEMULA ATAS TALIAN 19

7.1 Akaun Emas MEEM Gold 19

7.1.1 Pembukaan Akaun Emas Baru 19

7.1.2 Pembukaan Akaun Emas Kedua Exception 19

7.1.3 Penutupan Akaun Emas 20

7.2 Pembelian Emas 20

7.3 Penjualan Emas (GSS Sellback) 20

7.4 Penebusan Emas Fizikal (GSS Withdrawal) 20

7.4.1 Saluran Penebusan Emas Fizikal 20

7.4.2 Denominasi Penebusan Emas Fizikal 21

7.4.3 Caj Premium Bagi Penebusan Emas Fizikal 21

7.5 Jualan Semula Emas & Perak Fizikal Produk (Scrap Buyback) 22

7.5.1 Jualan Semula Emas & Perak Fizikal Produk MEEM Gold 22

7.5.2 Jualan Semula Emas & Perak Fizikal Selain Produk MEEM Gold 22

7.6 *Exchange Program* 23

8. PENAMAAN WARIS (*NOMINEE*) 23
8.1 Tujuan Penamaan 23
8.2 Tanggungjawab Penama 24
8.3 Syarat Penamaan 24
8.4 Tuntutan 24
8.5 Pembatalan Waris 25
8.6 Semakan Maklumat Penamaan 25
10. PENGEPOSAN DAN PENGHANTARAN 25
10.1 Pengisytiharan Kandungan Pengeposan & Penghantaran 25
10.2 Servis Kurier & Caj Pengeposan 26
10.3 Waktu Operasi Pengeposan 26
10.4 Penjejakan Bungkusan dan Risiko Kehilangan Tanggungjawab Pelanggan 26
10.5 Aduan Kerosakan & Berlainan Isi Kandungan Bungkusan 27
11. ARAHAN TETAP (STANDING INSTRUCTION) 27
11.1 Peraturan dan Syarat-Syarat 27
12. PRODUK MEEM DI TERIMA ARRAHNU 28
14. RESELLER MEEM 28
14.1 Syarat Lantikan Reseller 29
14.2 Rebat Belian Sendiri Emas Mengikut Kategori Reseller 29
15. PROGRAM & KOLABORASI 29
15.1 Program dan Booth Pameran & Jualan di Bawah Pengurusan MEEM 29
15.1.2 Pendaftaran Pelanggan 30
15.2 Jemputan Khas Pembukaan Booth 30
15.3 Kolaborasi Bersama MEEM 30
15.4 Permohonan Penajaan Program 31
15.5 Permohonan Pinjaman Stok Produk & Keperluan Peralatan Program 31
16. PEJABAT URUSAN DAN WAKTU OPERASI PERNIAGAAN 32
16.1 Pejabat Urusan 32
a. Ibu Pejabat Shah Alam 32
b. Cawangan Bangi 32
c. Cawangan Alor Setar 32
d. Cawangan Jitra 32
16.2 Platform Jual Beli dan Emas 32
17. HUBUNGI KAMI 33
a) Ibu Pejabat Shah Alam 33
b) Pejabat Urusan Cawangan Bangi 33
c) Pejabat Urusan Cawangan Jitra 33

d) Pejabat Urusan Cawangan Alor Setar 33
e) Media Sosial..... 33

TERMA DAN SYARAT MENURUT PRODUK MEEM GOLD

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, menetapkan terma dan syarat yang mengawal Pelan Simpanan Emas Patuh Syariah MEEM Gold anda. Dengan membuka akaun dan menggunakan sistem di MEEM anda menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat dan sebarang perubahan berikutnya padanya.

1. DEFINISI & TAFSIRAN

"Reseller" merujuk kepada individu atau syarikat yang berdaftar menjadi ejen untuk mendapatkan insentif atas belian sendiri atau daripada belian referral masing-masing.

"Gold Safe Storage (GSS)" merujuk kepada Pelan Simpanan Emas Patuh Syariah MEEM Gold. Ini adalah kaedah simpanan emas yang memudahkan pelanggan tanpa melibatkan kos tambahan untuk keselamatan dan perlindungan emas tersebut dan telah disahkan PATUH SYARIAH.

"Direct Purchase" merujuk kepada pembeli yang membeli emas stok sedia ada. Ini adalah cara terbaik bagi pembelian emas kerana pembeli membeli untuk terus memegang fizikal emas di tangan mereka sendiri.

"GSS Purchase" merujuk kepada penyimpan yang ingin menyimpan secara konsisten dengan mengumpul gram emas. Pembeliannya adalah mampu milik kerana ianya bermula serendah RM50.00 sahaja. Akaun GSS ini sangat sesuai untuk penyimpan yang mempunyai wang lebihan tetapi ingin konsisten dalam simpanan. GSS juga lebih mesra kerana penyimpannya tanpa mengira umur dan generasi. Pelanggan yang telah mencukupkan syarat pengeluaran emas didalam akaun simpanan GSS, pelanggan boleh mengeluarkan emas fizikal dengan membayar caj pengeluaran emas bergantung kepada gram yang dikeluarkan.

"GSS Sellback" merujuk kepada penjualan semula gram emas didalam simpanan GSS pelanggan dengan tujuan untuk menukarkan kepada bentuk nilai mata wang. Pembayaran akan dipindahkan ke akaun bank pelanggan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

"GSS Withdrawals" merujuk kepada pengeluaran emas yang telah dibeli melalui simpanan GSS kepada bentuk fizikal dengan membayar caj pengeluaran emas bergantung kepada gram yang dikeluarkan.

"GSS Transaction" merujuk kepada paparan setiap transaksi keseluruhan (pembelian dan penjualan) gram emas didalam simpanan GSS termasuk transaksi pembayaran insentif reseller.

"Nomination" merujuk kepada Penamaan dilakukan bagi memudahkan waris menerima dan mentadbir simpanan emas Gold Safe Storage (GSS) milik ahli atau pemegang akaun tanpa perlu mengemukakan Surat Kuasa atau Perintah daripada pihak berkaitan.

"Emas Fizikal" merujuk kepada produk akhir sedia ada yang telah keluarkan oleh pihak MEEM Gold.

"Incentive" merujuk kepada bonus yang diberikan penjual (Reseller) yang mencapai kelayakan atau syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MEEM Gold.

"Scrap" merujuk kepada penjualan emas dan goldbar yang terpakai mengikut kepada harga emas semasa kepada pihak MEEM Gold

"Pembayaran Scrap" merujuk kepada pembayaran nilai mata wang kepada pelanggan yang menjual emas scrap mengikut gram dan gred emas yang diterima oleh pihak MEEM Gold dalam masa tempoh satu (1) hari bekerja.

"Referral" merujuk kepada orang yang memperkenalkan MEEM Gold kepada pengguna/pelanggan baharu MEEM Gold.

“Pembayaran Luar Negara (Wise Transfer)” merujuk kepada pembayaran yang dibuat oleh pelanggan luar negara hendaklah membuat pembayaran menggunakan aplikasi WISE untuk membuat pembelian dan penjualan di MEEM Gold.

“Caj Premium” merujuk kepada kos yang terlibat untuk menghasilkan produk akhir sedia ada. Caj Pengeluaran adalah bergantung kepada pilihan gram yang ingin difizikalkan dan caj yang dikenakan bagi (1) kuantiti gram emas tersebut.

“Caj Exchange Emas MEEM Gold” merujuk kepada caj yang dikenakan ke atas kerosakan dari segi pembungkusan (packaging) dan kerosakan sijil ketulenan emas MEEM Gold. Bagi kemasukan semula gram emas MEEM Gold yang tiada kerosakan, MEEM Gold tidak akan mengenakan caj exchange ke atas produk tersebut.

“Caj Exchange Bukan Jenama MEEM” merujuk caj pindah masuk ke dalam akaun simpanan GSS akan dikenakan ke atas produk bukan jenama MEEM mengikut gram yang ditetapkan oleh pihak MEEM Gold.

“Pending Payment” merujuk kepada pelanggan yang masih belum menyelesaikan pembayaran bagi pembelian di dalam sistem MEEM.

“Pending Incentive/Payout” merujuk kepada pembayaran insentif yang masih belum dibayar sama ada dalam nilai mata wang atau pembayaran dalam bentuk GSS ke dalam akaun pelanggan. Pembayaran tambahan yang diberikan kepada penjual (Reseller) yang layak akan dimasukkan ke dalam akaun bank dalam setiap 15hb setiap bulan.

“Fullfilled Direct Purchase” (Pengeposan)” merujuk kepada item pembelian pelanggan yang telah selesai membuat pembayaran dan sedia untuk proses pengeposan. Pengeposan akan dilakukan pada setiap hari Isnin dan Rabu setiap minggu kecuali Cuti Umum dan Perayaan.

“Ready for Collection Direct Purchase” (Pengambilan di Cawangan)” merujuk kepada pembelian emas yang sedia yang telah diasingkan dan sedia untuk diambil dalam tempoh masa satu (1)bulan daripada tarikh pembelian dilakukan. Pengambilan yang tidak berjaya diambil akan dimasukkan semula ke dalam akaun simpanan GSS.

“Ready for Collection GSS Withdrawal” (Pengambilan di Cawangan)” merujuk kepada pengeluaran emas fizikal di dalam akaun simpanan GSS yang telah sedia dan diasingkan untuk diambil dalam tempoh masa satu (1) bulan daripada tarikh pembelian dilakukan. Pengambilan yang tidak berjaya diambil akan dimasukkan semula ke dalam akaun simpanan GSS.

“Fullfilled GSS” merujuk kepada pembelian pelanggan yang telah selesai membuat pembayaran dan gram yang telah dikreditkan ke dalam akaun simpanan GSS mengikut nilai mata wang mengikut harga kadar semasa emas GSS.

1.1 Tafsiran Bagi "Gold Safe Storage (GSS)"

Sebarang rujukan dalam Terma dan Syarat ini kepada:

a) Pelanggan yang berdaftar simpanan GSS bersama MEEM GOLD merujuk kepada pemegang akaun yang membuat penyimpanan emas di MEEM.

b) Pendaftaran akaun adalah terbuka kepada seperti yang berikut: -

   i. Individu Dewasa (umur atas 18 Tahun)
   ii. Individu/Kanak-kanak (Bawah 18 Tahun)
   iii. Syarikat/Organisasi/Pertubuhan
   iv. Pelanggan Luar Negara
   v. Pelanggan Bukan Muslim

c) Pembelian melalui akaun simpanan GSS disimpan di MEEM tidak dikenakan sebarang caj bagi servis penyimpanan.

d) Transaksi pembelian emas secara atas talian menggunakan pembayaran FPX Payment di laman sesawang MEEM dan tempoh *"Lock Price"* adalah tiga (3) jam sahaja

e) Pelanggan memberikan kebenaran kepada wakil atau Wakalah MEEM bagi menguruskan emas yang telah dibeli oleh pelanggan sebagai tujuan kepatuhan syariah serta pengurusan stok emas fizikal dan akaun simpanan GSS tersebut.

f) Pelanggan boleh meletakkan Nomination iaitu pelanggan boleh meletakkan nama yang dilantik bagi menguruskan emas pemilik akaun simpanan GSS sekiranya berlaku kemalangan atau kematian kepada pemilik akaun tersebut.

g) Sebarang pengeluaran daripada akaun simpanan GSS, caj premium akan dikenakan ke atas produk per item bagi setiap pembelian dan pengeluaran di MEEM.

h) Bagi pengeluaran emas fizikal daripada akaun GSS, pelanggan boleh membuat pengeluaran emas fizikal daripada laman sesawang MEEM atau hadir ke mana-mana cawangan MEEM Gold di seluruh Malaysia.

i) Pengesahan akaun bank adalah wajib bagi pelanggan yang ingin mendapatkan insentif (bagi yang berkelayakan) atau bagi tujuan penjualan semula emas GSS (GSS Sellback) secara transaksi dalam talian.

j) Pembayaran GSS Sellback adalah masa tempoh tiga (3) hari bekerja.

2. KONTRAK SHARIAH

Kontrak Syariah yang terpakai untuk produk ini seperti di bawah:

a) **Bai' al-Sarf** : Pengesahan ketersediaan emas fizikal dalam syarikat KBSE adalah untuk memastikan pembelian emas tersebut dijalankan pada harga "spot" tanpa sebarang kelewatan dalam penghantaran.

b) **Riba Nasa'** : KBSE juga mesti bertanggungjawab ke atas pelanggan untuk mengatur penerimaan emas fizikal bagi pihak KBSE untuk mengelakkan penangguhan penghantaran emas di luar proses jual beli emas.

c) **Istisna':** Bayaran perkhidmatan yang dikenakan untuk proses pembuatan oleh kilang.

d) **'Urf Tijari** : Caj kerugian ditanggung oleh KBSE kerana ia mustahil untuk mendapatkan semula 100% daripada emas yang digunakan dalam proses pembuatan oleh kilang.

e) **Gharar** : Pendedahan butiran produk serta maklumat yang berkaitan transaksi pembelian.

f) **Ijab dan Qabul** : Pesanan pembelian dan penerimaan agar pelanggan berpuas hati dengan dengan penyempurnaan pembayaran.

g) **Wa'ad** : Perjanjian sebelah pihak dalam pembelian

h) **Wakalah** : Anda melantik KBSE sebagai ejen untuk mencari dan mengatur dengan penyedia perkhidmatan bilik kebal keselamatan pihak ketiga untuk menyimpan jongkong emas fizikal anda dengan selamat dan melantik Bank untuk melaksanakan transaksi pesanan masa hadapan anda.

i) **Qabadh Hukmi** : Emas fizikal diperolehi dengan cara kakitangan dalam syarikat akan memastikan pemilikan pindahan emas kepada pelanggan dijalankan secara langsung.

j) **Ta'yin** : Emas fizikal yang diperuntukkan juga telah ditanda pemilikan dan emas yang dimiliki oleh pemilik/pelanggan yang mana ia akan di klasifikasikan dalam bentuk emas fizikal selepas proses penempaan.

3. JENIS-JENIS PRODUK

3.1 Belian Terus

Belian secara terus adalah merujuk kepada pembelian produk akhir sedia ada seperti yang dipaparkan pada platform jual beli emas meem.com.my

3.2 Gold Safe Storage (GSS)

Gold Safe Storage (GSS) merupakan medium simpanan emas serendah RM 50.00 melalui platform jual beli emas meem.com.my yang disahkan patuh syariah.

3.2.1 Jenis Akaun dan Kelayakan Pelanggan

a) Individu*

i. Individu Dewasa (umur atas 18 Tahun)
ii. Individu/Kanak-kanak (Bawah 18 Tahun)

b) Pemilikan Syarikat/Organisasi/Pertubuhan*

i. Sijil perakuan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
ii. No kad pengenalan orang yang bertanggungjawab (Person in Charge, PIC).
iii. Salinan akaun bank syarikat.
iv. Surat rasmi syarikat beserta *letterhead* rasmi syarikat.

Nota* : Syarikat MEEM Gold mempunyai hak untuk menutup akaun pelanggan dan akaun pemilikan syarikat dan organisasi sekiranya berlaku sebarang salah guna akaun atau produk syarikat.

3.2.2 Pembelian Pertama & Seterusnya

a) Individu

Pembelian pertama dan seterusnya sekurang-kurangnya RM50.00 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan harga jualan emas semasa MEEM Gold tanpa komitmen bulanan.

b) Pemilikan Syarikat/Organisasi/Pertubuhan

Pembelian pertama dan seterusnya sekurang-kurangnya RM50.00 atau yang setaraf dalam gram berdasarkan harga jualan emas semasa MEEM Gold tanpa komitmen bulanan.

3.2.3 Faedah Gold Safe Storage (GSS)

Pelanggan yang mendaftar dengan pihak MEEM Gold akan mendapat dan kelebihan dan faedah berikut melalui akaun simpanan GSS seperti berikut :

a) Pembukaan akaun simpanan GSS adalah percuma di laman sesawang meem.com.my dan tiada komitmen bulanan serta tiada syarat peninggalan gram di MEEM Gold.

b) Pembelian di dalam akaun simpanan GSS boleh mula menyimpan serendah RM 50.00 mengikut harga semasa jualan. Perubahan harga emas di laman sesawang MEEM dikemaskini setiap 15 minit.

c) Penyimpanan emas di dalam akaun simpanan GSS tidak dikenakan sebarang caj simpanan selama simpanan dalam kawalan dan seliaan MEEM Gold.

d) Pelanggan boleh menebus atau mengeluarkan emas fizikal daripada akaun simpanan GSS dalam pelbagai cara antaranya melalui kutipan sendiri di mana- mana cawangan MEEM Gold atau Pengeposan ke seluruh Malaysia.

e) Pelanggan boleh menebus atau mengeluarkan emas fizikal di dalam akaun simpanan GSS serendah 0.25 gram.

f) Jual balik produk emas fizikal kepada MEEM dengan harga belian MEEM yang kompetitif. Ini hanya terpakai untuk produk emas fizikal yang telah ditebus daripada MEEM.

g) Susut Nilai Terkumpul (Spread Value) adalah serendah 7% daripada harga belian emas di dalam akaun simpanan GSS kepada pihak MEEM Gold semula.

4. MAKLUMAT DAN SYARAT PEMBELIAN

4.1 Penyata Transaksi

Syarikat akan menyediakan salinan keseluruhan penyata tahunan bagi transaksi atau bukti belian dan jualan serta bayaran insentif pelanggan dan penjual melalui akaun MEEM yang telah didaftarkan.

4.2 Baki Minimum Emas (Gram)

Tiada syarat minimum baki emas dalam akaun simpanan GSS yang perlu ditinggalkan untuk akaun MEEM kekal aktif. Pelanggan berhak sepenuhnya ke atas pemilikan emas masing-masing.

4.3 Simpanan Emas Fizikal

Untuk penyimpanan emas fizikal, pelanggan boleh melantik MEEM untuk bertindak sebagai seorang ejen (wakil) bagi mengenal pasti, mengatur dan membayar penyelia perkhidmatan peti keselamatan untuk menyimpan emas pelanggan. Tanggungjawab syarikat sebagai ejen adalah seperti berikut:

a) Mencari penyedia peti keselamatan yang boleh dipercayai untuk menyimpan emas anda dengan selamat.

b) Menyimpan semua rekod yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan peti keselamatan yang berkaitan dengan emas anda.

c) Menetapkan semula nombor siri emas fizikal untuk faedah anda.

5. HARGA JUALAN DAN BELIAN EMAS

a) Harga jualan dan belian dikemaskini setiap 15 minit dalam nilai Ringgit Malaysia (MYR) oleh MEEM berdasarkan harga secara langsung.

b) Harga jualan menandakan harga emas yang dijual oleh MEEM kepada pelanggan.

c) Harga belian menandakan harga emas yang dibeli oleh MEEM daripada pelanggan.

d) Harga jualan dan belian dipaparkan di platform meem.com.my

e) Oleh kerana MEEM menawarkan harga terkini mengikut pasaran, harga belian atau harga jualan syarikat yang sebenarnya akan ditentukan ketika transaksi masing-masing dilakukan.


f) Kadar istimewa untuk membeli dan menjual emas hanya terpakai untuk transaksi 100 gram dan ke atas.

6. CARA PEMBELIAN PRODUK MEEM


Terdapat dua (2) kaedah yang pelanggan boleh gunakan untuk membuat pembelian emas di MEEM iaitu pembelian secara terus dan pembelian Pembelian Gold Safe Storage (GSS).

6.1 Pembelian Secara Terus


Langkah 1: Layari meem.com.my . Kemudian klik butang “Login” untuk log masuk ke akaun MEEM.




Langkah 2: Masukkan e-mel dan kata laluan dan klik pada butang “Sign In”.




Langkah 3: Klik pada butang “Products” untuk senarai pilihan produk keluaran MEEM.




Langkah 4: Pilih produk yang diingini dengan klik pada gambar produk. Pelanggan juga diberi pilihan untuk hanya memaparkan produk mengikut kategori pada bahagian sebelah kiri paparan skrin.




Langkah 5: Masukkan kuantiti yang diingini dan klik butang “Add to Cart”.




Langkah 6: Setelah selesai membuat pemilihan produk, klik butang “View Cart” untuk melihat senarai produk yang telah dipilih.



Langkah 7: Klik butang “Proceed To Checkout” untuk meneruskan proses pembayaran. Untuk menambah produk tambahan, klik pada butang “Continue Shopping”.




Langkah 8: Isikan maklumat bagi proses pengeposan.




✓

Langkah 9: Pilih cara pengambilan/pengeposan produk yang telah dipilih. Kemudian, tandakan ( )pada kotak "FPX Online Payment" dan klik butang "Proceed to Payment" untuk melengkapkan proses pembayaran




6.2 Pembelian Gold Safe Storage (GSS)


Langkah 1: Layari meem.com.my tekan pada bahagian Login untuk log masuk akaun MEEM.




Langkah 2: Masukkan e-mel dan kata laluan dan klik pada butang “Sign In”.



Langkah 3: Klik pada butang “GSS” untuk membuat pembelian pada akaun GSS.




Langkah 4: Klik butang “Purchase Gold” untuk ke paparan pembelian emas GSS.




Langkah 5: Masukkan amaun (RM) atau berat (gram) emas GSS yang ingin dibeli. Kemudian, tandakan (✓) pada kotak “FPX Online Payment” dan klik butang “Continue with Purchase” untuk proses pembayaran.

Nota: Pembelian emas melalui akaun GSS bermula serendah RM50.00



Langkah 6: Semak dan sahkan maklumat belian pada skrin yang dipaparkan. Klik butang “Proceed to Payment” untuk melengkapkan proses akhir pembayaran melalui FPX Online Payment.



7. PEMBUKAAN AKAUN, BELIAN, JUALAN, PENEBUSAN, JUAL SEMULA EMAS, *EXCHANGE* PROGRAM DAN JUALAN SEMULA ATAS TALIAN

Pelanggan mempunyai pilihan untuk ke mana-mana cawangan MEEM Gold atau log masuk ke platform jual beli emas meem.com.my bagi tujuan transaksi berikut:

Bil.	Jenis Transaksi	Kunjungi Cawangan (*Walk In*)	Dalam Talian (*Online*)
7.1	Pembukaan Akaun	Semua cawangan	Ada
7.2	Pembelian emas	Semua cawangan	Ada
7.3	Penjualan emas a) Emas dari akaun GSS b) Emas fizikal	Tiada Semua cawangan	Ada Tiada
7.4	Penebusan emas fizikal a) Pengambilan di cawangan b) Perkhidmatan penghantaran c) Pengambilan di cawangan secara temujanji	Semua cawangan (Berdasarkan permohonan atau temujanji)	Ada Tiada
7.5	Jualan semula emas dan perak fizikal keluaran MEEM Gold	Semua cawangan	Tiada

7.1 Akaun Emas MEEM Gold

7.1.1 Pembukaan Akaun Emas Baru

Pembukaan akaun emas MEEM Gold boleh dilakukan di semua cawangan MEEM Gold dan/atau melalui platform meem.com.my. Tiada sebarang caj dikenakan bagi tujuan pembukaan akaun emas ini.

Butiran penting untuk pembukaan akaun emas adalah seperti di bawah:

a. Nama Penuh (Mengikut Kad Pengenalan/Pasport/Nama Syarikat)
b. Nombor Kad Pengenalan/ Nombor Pasport / Nombor Tentera @ Polis / Nombor Pendaftaran Syarikat
c. Emel aktif
d. Nombor Telefon
e. Negeri
f. Negara

7.1.2 Pembukaan Akaun Emas Kedua Exception

Pihak MEEM Gold membenarkan pelanggan untuk membuka akaun simpanan emas Gold Safe Storage (GSS) yang kedua di atas budi bicara dan ketetapan pihak syarikat. Permohonan secara bertulis perlu dibuat untuk permohonan pembukaan akaun baharu.

Nota: Syarat pemohonan ini, pelanggan perlu memohon penutupan akaun lama sebelum pembukaan akaun yang baharu. Keputusan rayuan bagi permohonan ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada pihak KBSE Bullion Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lebih lanjut, pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi admin di talian 03-55231231 dengan lebih lanjut.

7.1.3 Penutupan Akaun Emas

Pihak MEEM Gold membenarkan pelanggan untuk menutup akaun simpanan emas Gold Safe Storage (GSS) mengikut ketetapan pihak syarikat. Pemohon perlu mengisi borang MF013 (Request for MEEM Account Closing) untuk pemohonan penutup akaun.

Nota: Pemohon perlu *walkin* ke Ibu Pejabat MEEM Gold Shah Alam untuk mengisi borang secara fizikal. Pemohon dibawah umur 18 tahun perlu mendapatkan cap jari sebagai pengesahan tanda tangan. Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi admin di talian 03-55231231 dengan lebih lanjut.

7.1.4 Penukaran Introducer

Pemohonan penukaran Introducer boleh dilakukan dengan mengisi borang pemohonan Penukaran Introducer (MF012). Antara kriteria yang dibenarkan bagi permohonan ini adalah seperti berikut:

a. Salahlaku Introducer (**Sila rujuk "Reseller Policies Handbook"**).
b. Introducer tidak aktif
c. Status Reseller diragui oleh pelanggan

Nota: Pemohon perlu *walkin* ke Ibu Pejabat MEEM Gold Shah Alam untuk mengisi borang secara fizikal. Pemohon dibawah umur 18 tahun perlu mendapatkan cap jari sebagai pengesahan tanda tangan. Keputusan bagi permohonan ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada pihak KBSE Bullion Sdn. Bhd. Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi admin di talian 03-55231231 dengan lebih lanjut.

PENTING: Reseller (Introducer) diwajibkan untuk memberi maklum balas ke atas borang Permohonan Penukaran Introducer (MF012) dalam tempoh 14 hari bekerja selepas borang diterima. Kegagalan Introducer memberi maklum balas dalam tempoh di atas akan dianggap bersetuju untuk penukaran Introducer diproseskan oleh pihak MEEM.

7.2 Pembelian Emas

Pembelian emas fizikal dan GSS boleh dilakukan di semua cawangan MEEM dan/atau melalui platform meem.com.my

7.3 Penjualan Emas (GSS Sellback)

Penjualan emas fizikal boleh dilakukan di semua cawangan MEEM manakala bagi tujuan penjualan emas dari akaun GSS, pelanggan dibenarkan untuk menjualnya dari akaun MEEM masing-masing secara dalam talian melalui platform meem.com.my.Pembayaran bagi penjualan emas didalam akaun pelanggan akan dibayar dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

7.4 Penebusan Emas Fizikal (GSS Withdrawal)

7.4.1 Saluran Penebusan Emas Fizikal

Penebusan pemilikan emas fizikal dari akaun GSS masing-masing boleh dilakukan di semua cawangan MEEM dan juga melalui platform meem.com.my .Penebusan emas fizikal kini boleh memohon penghantaran melalui khidmat kurier pengeposan ke rumah pelanggan berdasarkan stok semasa sedia ada sewaktu proses penebusan dilakukan.

7.4.2 Denominasi Penebusan Emas Fizikal

Denominasi pilihan penebusan emas fizikal dari akaun GSS pelanggan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

a) 0.25 gram
b) 0.5 gram
c) 1 gram
d) 5 gram
e) 10 gram
f) 50 gram
g) 100 gram
h) 250 gram
i) 500 gram
j) 1000 gram
k) 1/2 Dinar
l) 1 Dinar
m) 5 Dinar
n) 10 Dinar

Nota: Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi admin di talian 03-55231231 bagi tujuan mengenal pasti stok sedia ada emas fizikal sebelum melakukan penebusan emas atau melalui platform meem.com.my.

7.4.3 Caj Premium Bagi Penebusan Emas Fizikal

Caj premium merupakan kos yang terlibat untuk menghasilkan produk akhir. Kedua-dua jenis belian produk MEEM (Belian Terus & GSS) akan dikenakan caj premium.

Penyimpan emas GSS hanya akan dikenakan caj premium ketika melakukan pengeluaran item fizikal sahaja. Berikut merupakan caj premium bagi setiap item keluaran MEEM.

Denominasi Emas Goldbar	Caj Premium
0.25 gram	RM 40.00
0.5 gram	RM 40.00
1 gram Classic	RM 15.00
5 gram	RM 15.00
10 gram	RM 15.00
50 gram	RM 40.00
100 gram	RM 70.00
250 gram	RM 150.00
500 gram	RM 250.00
1000 gram	RM 400.00
Special Edition Series	RM 20.00 – RM50.00

Limited Edition Series	RM 50.00 – RM100.00
Limited Edition	RM 100.00 – RM 150.00

Denominasi Emas Dinar	**Caj Premium**
1/2 Dinar	RM 15.00
1 Dinar	RM 15.00
5 Dinar	RM 20.00
10 Dinar	RM 40.00

Nota: Harga yang dipaparkan bagi setiap item Belian Terus di platform meem.com.my adalah sudah termasuk caj premium.

7.5 Jualan Semula Emas & Perak Fizikal Produk (Scrap Buyback)

7.5.1 Jualan Semula Emas & Perak Fizikal Produk MEEM Gold

Pelanggan dibenarkan untuk menjual semula emas fizikal kepada MEEM Gold di mana-mana cawangan MEEM dengan memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh syarikat, di mana syarikat akan menggunakan harga belian emas semasa MEEM. Penjualan semula tanpa sijil asal atau sijil rosak akan ditolak anggaran RM5.00 hingga RM10.00 per item. Jumlah hasil jualan akan dikreditkan ke dalam akaun bank pelanggan atau dibayar tunai melalui kaunter pejabat urusan cawangan MEEM. Tempoh pembayaran adalah dalam tempoh 3 hari bekerja.

7.5.2 Jualan Semula Emas & Perak Fizikal Selain Produk MEEM Gold

Pelanggan dibenarkan untuk menjual semula emas fizikal kepada MEEM Gold di mana-mana cawangan MEEM dengan memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh syarikat, di mana syarikat akan menggunakan harga belian emas semasa MEEM.

Pihak MEEM Gold akan menggunakan perkakasan atau peralatan untuk mengenalpasti ketulenan emas dengan cara penggunaan asid, pembakaran dan mesin pengenalpasti emas. Proses tersebut perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak pelanggan terlebih dahulu sebelum membuat percaturan. Pihak MEEM Gold telah menetapkan gred emas dan perak mengikut kualiti emas yang diambil.

Antara gred yang diambil oleh pihak MEEM Gold adalah seperti yang berikut :-

i. 999.9
ii. 999
iii. 916
iv. 950
v. 835
vi. 850
vii. 750
viii. Paun/Cop Cina
ix. 585
x. 375 (Suasa)
xi. Perak

Nota : Pihak MEEM Gold tidak menerima penjualan emas berlian, pertama dan Zhulian dan emas putih daripada pihak pelanggan dan penjual. Tempoh pembayaran adalah dalam masa satu (1) hari bekerja.

7.6 *Exchange Program*

Jenama Emas 999.9	Berat Emas	Caj Transaksi
MEEM Gold (Sijil Ketulenan & Emas Berkeadaan Baik)	0.25 g & ke atas	Percuma
MEEM Gold (Tanpa Sijil Ketulenan/ Sijil Ketulenan Rosak)	0.25 g & ke atas	RM 5.00/item
MEEM Gold (Emas Rosak)	0.25 g & ke atas	RM 1.00/g
Jenama Luar (Tertakluk Terma & Syarat)	0.50 g - 9.99 g	RM 5.00/g
Jenama Luar (Tertakluk Terma & Syarat)	10.00 g & ke atas	RM 2.00/g

Nota : Pihak MEEM Gold hanya akan menerima pemindahan emas semula bagi emas yang memiliki sijil ketulenan yang disahkan oleh KL Assay Office.

8. PENAMAAN WARIS (*NOMINEE*)

8.1 Tujuan Penamaan

Penamaan dilakukan bagi memudahkan waris menerima dan mentadbir simpanan emas Gold Safe Storage (GSS) milik ahli atau pemegang akaun tanpa perlu mengemukakan Surat Kuasa atau Perintah daripada pihak berkaitan.

Pemegang akaun yang berumur 18 tahun atau lebih hendaklah menamakan seorang atau dua (2) orang sebagai penerima namaan bagi jaminan urusan pengeluaran dan penjualan emas selepas pemegang akaun meninggal dunia.


Penamaan adalah penting bagi tujuan berikut:

a) Memudahkan proses pengeluaran selepas pemegang akaun meninggal dunia

b) Mengelakkan sebarang kos dan kerumitan untuk mendapatkan dokumen daripada pihak ketiga

c) Memastikan waris sahaja layak membuat pengeluaran emas

8.2 Tanggungjawab Penama



Dengan melakukan penamaan, penama adalah dipertanggungjawabkan untuk menjadi wakil bagi urusan berikut:

a) Mentadbir simpanan dan pengeluaran akaun simpanan emas (GSS) si mati (akaun boleh diwarisi);

b) Mentadbir insentif dan bonus jualan sedia ada dan berterusan si mati (pendapatan pasif boleh diwarisi)

Nota: Walaubagaimanapun, penama bukanlah pewaris harta secara tunggal. Penama tidak mempunyai hak sepenuhnya untuk menjual atau mengeluarkan emas dan insentif jualan tanpa persetujuan daripada ahli keluarga/waris si mati.

8.3 Syarat Penamaan

Penamaan mestilah dilakukan oleh pemegang akaun semasa hayatnya dengan melengkapkan maklumat serta dokumen sokongan seperti kad pengenalan diri penama pada bahagian pendaftaran “Nominee” melalui akaun MEEM masing-masing. Penama hendaklah memenuhi syarat berikut:

a) Berumur 18 tahun atau lebih

b) Penama yang berumur 18 tahun ke bawah perlu menunggu sehingga mencapai umur 18 tahun atau mengemukakan surat Legal Administration sebagai pentadbir harta si mati tersebut

c) Pengeluaran dan penjualan emas akan dibuat kepada penama/pentadbir (wasi)

d) Terdiri daripada suami/isteri/anak/ibu/bapa/penjaga sahaja

e) Sertakan bukti lampiran suami/isteri/anak/ibu/bapa/penjaga yang sah

8.4 Tuntutan

Tuntutan harta boleh dilakukan oleh penama yang sah didaftarkan hanya selepas kematian pemegang akaun. Dokumen yang perlu dikemukakan semasa tuntutan dilakukan adalah seperti berikut:

a) Kad pengenalan penama

b) Sijil kematian pemegang akaun

c) Sijil pernikahan (Bagi penama isteri/suami)

d) Sijil kelahiran (Bagi penama anak)

e) Apa-apa dokumen yang berkaitan

Nota: Sekiranya pemegang akaun simpanan emas tidak melakukan penamaan sepanjang hayatnya, waris ahli yang layak boleh membawa dan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan untuk permohonan pengeluaran atau penjualan simpanan emas si mati melalui kaunter ibu pejabat MEEM Gold.

8.5 Pembatalan Waris

Sesuatu penamaan akan terbatal dalam keadaan-keadan berikut:

a) Kematian penama semasa hayat pemegang akaun;

b) Penukaran penamaan pada pendaftaran sistem "Nominee" semasa hayat pemegang akaun;

c) Pengemukaan notis pembatalan bertulis yang diberikan oleh pemegang akaun dan diterima oleh pihak KBSE Bullion Sdn. Bhd. semasa hayat pemegang akaun.

8.6 Semakan Maklumat Penamaan

Untuk sebarang semakan maklumat pendaftaran penamaan, sila kunjungi ibu pejabat atau cawangan MEEM Gold atau hubungi pegawai khidmat pelanggan di talian 03-55231231.

9 Transaksi Pembelian

9.1 Transaksi melalui FPX Payment di Laman Web

Semua pembelian dan penebusan emas fizikal di laman sesawang adalah menggunakan cara pembayaran FPX Payment. Tempoh pembayaran adalah serta-merta mengikut harga semasa emas.

9.2 Transaksi Pembelian di Cawangan MEEM Gold

Semua transaksi pembelian dan penebusan emas fizikal di mana-mana cawangan boleh menggunakan kaedah pembayaran seperti berikut: -

i. Tunai
ii. QR Payment
iii. Pembayaran atas Talian (Bank Transfer)
iv. Cek
v. Debit Card/Credit Card
vi. Cash Deposit

9.2 Transaksi Pembelian Antarabangsa

Semua transaksi pembelian dan penebusan emas fizikal bagi pelanggan luar negara boleh menggunakan kaedah pembayaran WISE TRANSFER. Aplikasi ini membolehkan pelanggan dari serata dunia untuk membeli dengan harga semasa emas. Pihak syarikat MEEM Gold tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang caj tambahan yang dikenakan bagi pelanggan yang menggunakan aplikasi WISE.

10. PENGEPOSAN DAN PENGHANTARAN

10.1 Pengisytiharan Kandungan Pengeposan & Penghantaran

Pelanggan bersetuju bahawa pihak MEEM Gold akan mengendalikan penghantaran bungkusan item yang dipesan bagi pihak pelanggan. Pelanggan juga mesti bersetuju untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan seperti nama penerima, alamat surat menyurat dan nombor untuk dihubungi (mudah alih atau telefon) kepada pihak kurier bagi tujuan perkhidmatan pengeposan dan penghantaran.

10.2 Servis Kurier & Caj Pengeposan

Servis kurier, berat dan caj pengeposan bungkusan parcel adalah seperti berikut:

Servis Kurier	Ciri – ciri Keselamatan Khas	Semenanjung Malaysia	Timur Malaysia (Sabah & Sarawak)
Standard Shipping (PosLaju)	• Tanpa kod keselamatan OneTime Password (OTP). • Tanpa perlindungan insurans.	RM 10.00	RM 20.00
Standard Shipping (DHL)	• Disertakan bersama kod keselamatan One-Time • Password (OTP). Tanpa kod OTP, parcel tidak akan diserahkan ke tangan pelanggan. • Tanpa perlindungan insurans.	RM 15.00	RM 25.00
Insured Shipping (DHL)	• Berserta bersama kod keselamatan One-Time • Password (OTP). Tanpa kod OTP, parcel tidak akan diserahkan ke tangan pelanggan. • Perlindungan insurans sehingga • 15gram emas per parcel.	RM 157.50	RM 167.50

Nota: Setiap bayaran bagi caj pengeposan yang telah diterima oleh pihak syarikat tidak akan dikembalikan semula (non-refundable) termasuk bagi kes berikut, permintaan pelanggan untuk menukarkan cara pilihan serahan pesanan daripada pilihan pengeposan “Shipping” kepada pengambilan di pejabat urusan “In-store Collection”.

10.3 Waktu Operasi Pengeposan

Proses pengeposan bungkusan item akan dilakukan pada setiap hari Isnin dan Rabu. Jika cuti umum jatuh pada hari berkenaan, pengeposan akan dilakukan pada hari yang berikutnya. Tempoh penghantaran bungkusan ini dijangkakan akan mengambil masa selama 1 - 5 hari waktu bekerja untuk sampai ke destinasi pelanggan selepas bungkusan diserahkan kepada pihak kurier.

10.4 Penjejakan Bungkusan dan Risiko Kehilangan Tanggungjawab Pelanggan

Pelanggan diwajibkan untuk menjejaki bungkusan pesanan masing-masing melalui nombor pesanan penjejakan (*tracking number*) yang akan diberikan oleh pihak MEEM Gold kepada pelanggan. Pelanggan diminta untuk menghubungi ibu pejabat khidmat pelanggan di talian 03-55231231 jika masih belum menerima nombor pesanan penjejakan (*tracking number*) selepas waktu bekerja pada waktu operasi pengeposan (Isnin & Rabu) yang dijangkakan. MEEM Gold tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos kehilangan bungkusan pengeposan selepas bungkusan berjaya diserahkan kepada pihak kurier kecuali

bagi pilihan pakej perkhidmatan pengeposan “Insured Shipping (DHL)”. Perlindungan insurans sehingga 15 gram emas per bungkusan disediakan bagi pelanggan yang memilih pakej “Insured Shipping (DHL)” sahaja (tertakluk kepada Terma & Syarat).

10.5 Aduan Kerosakan & Berlainan Isi Kandungan Bungkusan

Sebarang kerosakan pada item atau penerimaan isi kandungan yang berlainan mesti dilaporkan kepada pihak MEEM Gold melalui ibu pejabat khidmat pelanggan di talian 03-55231231 dalam tempoh 24 jam hari bekerja selepas bungkusan diterima. Pihak MEEM Gold tidak akan melayani sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak sekiranya aduan atau tuntutan dilakukan selepas tempoh 24 jam hari bekerja kerana item yang telah diterima oleh pelanggan akan dikira sebagai item diterima tanpa bantahan.

11. ARAHAN TETAP (STANDING INSTRUCTION)

Untuk tujuan membuat arahan tetap bagi pembelian Emas pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun anda untuk penyelesaian pembelian Emas di MEEM.

a) Di MEEM produk yang dibenarkan bagi menggunakan arahan tetap ini adalah tertakluk pada pembelian menerusi GSS sahaja. Iaitu serendah RM50.00 sahaja.

b) Pelanggan boleh memilih tempoh arahan tetap antaranya ialah 3 bulan, 6 bulan dan juga 12 bulan dan lebih. Pihak MEEM Gold akan memproseskan pembelian ke dalam akaun simpanan GSS dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

c) Pelanggan perlu memaklumkan kepada pihak admin MEEM Gold sekiranya mengisi permohonan arahan tetap di Google Form (RSVP) di talian 03-55231231.

d) Semua perubahan dan pembatalan pelanggan hendaklah memberi tahu tujuh (7) hari bekerja sebelum potongan pembayaran dilakukan.

e) Saya/Kami memahami dan menerima bahawa Arahan Tetap ini adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat seperti rujukan 13.1 dan Terma-terma dan Syarat-syarat Generik BankFT5FT masing-masing.

f) Semua jualan adalah muktamad dan tidak akan dipulangkan.

11.1 Peraturan dan Syarat-Syarat

Pelanggan bersetuju bahawa KBSE Bullion Sdn. Bhd. menerima permohonan ini berdasarkan syarat-syarat berikut:

a) Saya/Kami berjanji untuk menentukan bahawa wang yang cukup disimpan dalam akaun saya/kami untuk memenuhi sebarang/segala arahan pembayaran serta sebarang komisen, bayaran dan kadar.

b) Saya/Kami bersetuju untuk membenarkan kakitangan Bahagian Pengurusan MEEM Gold untuk mewakilkan pembelian gram emas bagi pihak saya/kami dikira berdasarkan harga semasa emas sewaktu transaksi arahan tetap dilakukan.

c) KBSE Bullion Sdn. Bhd. boleh menamatkan arahan tetap:

i) Dengan memberi notis bertulis kepada saya/kami;
ii) Setelah menerima notis bertulis saya/kami;
iii) Setelah menerima arahan bertulis daripada penerima bayaran;

iv) Apabila mana-mana fasiliti yang dibayar melalui arahan tetap telah selesai dibayar dengan penuh;

v) Jika KBSE Bullion Sdn. Bhd. berpendapat bahawa ia adalah diperlukan, seperti adanya arahanarahan yang tidak konsisten daripada pemegang-pemegang akaun bersama, wang tidak mencukupi, kemungkinan penipuan.

12. PRODUK MEEM DI TERIMA ARRAHNU

Kebanyakan kedai emas /arrahnu akan ada SOP untuk menguji ketulenan dan berat emas. Emas MEEM Gold disahtulenkan oleh Tuan Syukor Adnan dari KL Assay Sdn Bhd. MEEM Gold disahkan oleh KL Assay Sdn. Bhd. ketulenan emas 999.9 dan mempunyai berat yang betul serta tepat. Berikut merupakan beberapa Arrahnu yang telah menerima emas MEEM Gold untuk pajakan:

a) Pos ArRahnu
b) ArRahnu TEKUN
c) Ar-Rahnu Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)
d) Bank Muamalat
e) ArRahnu Agrobank
f) Co-opbank Pertama
g) Ar-Rahnu Bank Islam
h) Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad
i) Bank Rakyat Ar-Rahnu Xchange
j) Ar-Rahnu Express (Milik Habib Group)
k) Ar-Rahnu Koperasi Tentera
l) Ar-Rahnu Koperasi PDRM

Klik pautan berikut untuk maklumat lebih lanjut: https://meem.com.my/news/senarai-ar-rahnu-yang-menerima-pajakan-produk-meem-gold-jewellery/

14. RESELLER MEEM

Pihak MEEM Gold membuka peluang untuk mana-mana pihak yang berminat untuk menjana pendapatan pasif dengan berkongsi manfaat simpanan emas. Penjual akan mendapat komisen atau bonus yang diberikan daripada pihak MEEM Gold mengikut kepada peringkat.

Nota: Syarikat MEEM Gold mempunyai hak untuk menarik status *Reseller* MEEM pelanggan dan akaun pemilikan syarikat dan organisasi sekiranya berlaku sebarang salah guna akaun atau produk syarikat. *Reseller* tidak boleh mengeluarkan sebarang kenyataan di media sosial yang bertentangan dengan polisi syarikat. Syarikat berhak mengenakan tindakan undang-undang.

14.1 Syarat Lantikan Reseller

Untuk pelantikan *dealership* sebagai ejen syarikat, syarikat mengenakan SYARAT mengikut kadar belian gram yang ditetapkan seperti berikut:

Reseller	Jumlah Belian Emas
Executive Reseller (EXR)	50 gram
Premium Reseller (PR)	100 gram
Partner Circle (PC)	200 gram

Nota : Jumlah belian bagi lantikan *dealership* tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh syarikat.

14.2 Rebat Belian Sendiri Emas Mengikut Kategori Reseller

a) Partner Circle (PC): 2%
b) Premium Reseller (PR): 1.5%
c) Executive Reseller (ER): 1.0%

14.3 Penarikan Status Reseller

Pihak Syarikat MEEM berhak untuk menarik semula status Reseller jika Reseller gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat (**Sila rujuk "Reseller Policies Handbook"**).

15. PROGRAM & KOLABORASI

15.1 Program dan Booth Pameran & Jualan di Bawah Pengurusan MEEM

Pembukaan booth pameran dan jualan di bawah pengurusan MEEM merangkumi perkara seperti berikut:

a) Pembayaran bilik, ruang dan tapak booth adalah ditanggung oleh pihak MEEM/Pemohon;

b) Stok produk dan keperluan peralatan booth akan disediakan oleh pihak MEEM;

c) Tenaga kerja dari kalangan kakitangan MEEM disediakan bergantung kepada keperluan program.

Pelanggan yang berminat untuk membuat permohonan pembukaan booth pameran dan jualan di bawah pengurusan MEEM perlulah mengisi borang yang disediakan oleh pihak MEEM. Pelanggan perlulah mengikut terma dan syarat permohonan di bawah:

a) Permohonan hendaklah dihantar sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh program;

b) Proses surat ini akan dinilai dan mendapat maklum balas daripada syarikat akan dikembalikan dalam tempoh tiga (3) hari selepas penyerahan.

c) Surat perlu diserahkan ke Ibu Pejabat MEEM Gold.

d) Sebarang pelanggaran atau pembatalan tarikh acara, perlu dibincangkan mengikut budi bicara pihak syarikat dalam tujuh (7) hari.

15.1.2 Pendaftaran Pelanggan

Setiap ahli yang berdaftar dengan MEEM sewaktu pembukaan booth pameran dan jualan di bawah pengurusan MEEM merangkumi perkara tersebut:

a) Ahli baru akan didaftarkan tanpa *Introducer*;

b) Ahli baru akan dimasukkan ke dalam *Whatsapp Group MEEM Sales and Support.*

Nota: *Reseller-reseller* MEEM Gold yang ingin menghadirkan diri dialu-alukan sesama sekali. Mana-mana *reseller* yang berjaya mendaftarkan keahlian baharu MEEM dari kalangan peserta program akan dimasukkan di bawah *downline reseller* tersebut dengan persetujuan kedua-dua pihak.

15.2 Jemputan Khas Pembukaan Booth

Jemputan khas pembukaan booth merangkumi perkara seperti berikut:

a) Segala kos yang terlibat sepanjang program TIDAK ditanggung oleh pihak MEEM;

b) Permohonan bagi pinjaman stok produk dan keperluan peralatan booth boleh dilakukan mengikut prosedur Permohonan Pinjaman Stok Produk & Keperluan Peralatan Program (*Rujuk Perkara 15.6*);

c) 2 orang tenaga kerja dari kalangan kakitangan MEEM akan disediakan jika diperlukan dan mengikut ketersediaan kakitangan MEEM pada waktu tersebut.

Pelanggan yang berminat untuk membuat permohonan perlulah mengisi borang yang disediakan oleh pihak MEEM. Pelanggan perlulah mengikut terma dan syarat permohonan di bawah:

a) Permohonan hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu dan dihantar sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh program;

b) Borang permohonan serta dokumen sokongan (jika ada) perlu diserahkan ke Ibu Pejabat MEEM Gold atau menghantar melalui e-mel ain.nabihah@kbse.com.my selewat-lewatnya tujuh (7) hari dari tarikh program dan memaklumkannya melalui panggilan telefon ke Ibu Pejabat MEEM Gold (03-55231231).

c) Proses permohonan ini akan dinilai dan mendapat maklum balas daripada syarikat akan dikembalikan dalam tempoh tiga (3) hari selepas penyerahan.

d) Sebarang pembatalan tarikh acara perlu dibincangkan mengikut budi bicara pihak syarikat selewatlewatnya tiga (3) hari selepas tarikh kelulusan pemohonan.

15.3 Kolaborasi Bersama MEEM

Individu atau organisasi yang berminat untuk menganjurkan program kolaborasi bersama MEEM boleh membuat sedemikian berdasarkan terma & syarat permohonan kolaborasi seperti di bawah:

a) Individu atau organisasi hendaklah menghantar kertas kerja yang sempurna (maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan) kepada pihak MEEM melalui alamat e-mel ain.nabihah@kbse.com.my selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari dari tarikh program dan memaklumkannya melalui panggilan telefon ke Ibu Pejabat MEEM Gold (03-55231231).

b) Proses ini akan dinilai dan maklum balas daripada syarikat akan diberikan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh penyerahan.

c) Pihak MEEM akan menghubungi kembali individu atau organisasi yang membuat permohonan kolaborasi untuk tindakan dan terma lanjut.

15.4 Permohonan Penajaan Program

Individu dan organisasi yang berminat untuk melakukan permohonan tajaan bagi program anjuran masing-masing hendaklah memenuhi Terma & Syarat permohonan tajaan seperti di bawah:

a) Pemohon hendaklah menghantar kertas kerja yang sempurna kepada pihak MEEM melalui alamat emel ain.nabihah@kbse.com.my selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh program dan memaklumkannya melalui panggilan telefon ke Ibu Pejabat MEEM Gold di talian 03-55231231.

b) Pemohon dan pihak penganjur yang terlibat hendaklah bertanggungjawab memberikan maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan oleh pihak MEEM sepanjang proses penajaaan;

c) Penganjur program hendaklah memberi ruang dan slot pemasaran dan promosi penjenamaan MEEM sebelum, semasa dan selepas program dari aspek berikut:

   (i) Promosi logo dan penjenamaan MEEM pada setiap alat pemasaran yang terlibat seperti media sosial, media massa, poster, bunting, banner dan sebagainya;

   (ii) Ruang atau tapak booth pameran dan jualan MEEM;

   (iii) *Shout-out* pemasaran penjenamaan MEEM pada sesi yang melibatkan pementasan program pada khalayak ramai

15.5 Permohonan Pinjaman Stok Produk & Keperluan Peralatan Program

Pelanggan yang berminat untuk melakukan sebarang pinjaman stok produk dan keperluan peralatan program perlulah mengisi borang pinjaman stok produk dan peralatan yang telah disediakan oleh pihak MEEM. Pelanggan hendaklah mengikut Terma & Syarat pinjaman seperti di bawah:

a) Borang permohonan hendaklah dihantar sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh program;

b) Stok produk dan peralatan boleh diambil satu (1) hari waktu bekerja sebelum tarikh program di Ibu Pejabat MEEM dan cawangan yang ditetapkan.

c) Pemohon adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas stok produk dan peralatan yang dipinjam dari segi keadaan fizikal dan nilainya;

d) Pemohon bertanggungjawab mengganti dan/atau membayar sebarang kehilangan dan kerugian ke atas stok produk dan peralatan yang dipinjam berdasarkan harga semasa stok produk dan peralatan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari. Kegagalan berbuat demikian akan dibawa kepada pihak berkuasa;

e) Tempoh maksimum bagi pinjaman stok produk dan peralatan yang dipinjam adalah dibenarkan selama tujuh (7) hari sahaja. Sebarang kelewatan bagi pemulangan stok produk dan peralatan akan dikenakan tindakan tatatertib.

Nota: Pelanggan bertanggungjawab memastikan borang pinjaman ditandatangani dan disahkan oleh kedua-dua pihak MEEM dan pelanggan sewaktu peminjaman dan selepas pemulangan stok produk dan peralatan selesai dilakukan.

16. PEJABAT URUSAN DAN WAKTU OPERASI PERNIAGAAN

16.1 Pejabat Urusan

Transaksi emas boleh dilakukan semasa waktu perniagaan biasa pada hari kalendar apabila syarikat MEEM dibuka kepada orang ramai untuk menjalankan urus niaga.

a. **Ibu Pejabat Shah Alam**
Hari: Isnin - Sabtu
Jam: 9.00 pagi – 6.00 petang

(Jumaat rehat 12.30 tengah hari - 2.30 petang)

b. **Cawangan Bangi**
Hari: Isnin - Sabtu
Jam: 9.00 pagi – 6.00 petang

(Jumaat rehat 12.30 tengah hari - 2.30 petang)

c. **Cawangan Alor Setar**

Hari: Ahad – Jumaat
Jam: 9.00 pagi – 6.00 petang

(Jumaat rehat 12.30 tengah hari - 2.30 petang)

d. **Cawangan Jitra**

Hari: Ahad - Jumaat
Jam: 9.00 pagi – 6.00 petang

(Jumaat rehat 12.30 tengah hari - 2.30 petang)

Nota: Pelanggan boleh merujuk di https://meem.com.my/contact-us untuk keterangan alamat dan peta lokasi cawangan.

16.2 Platform Jual Beli dan Emas

Transaksi emas boleh dilakukan melalui platform meem.com.my 24 jam sehari termasuk pada hujung minggu dan cuti umum.

17. HUBUNGI KAMI

Adalah penting untuk pelanggan memberitahu syarikat mengenai perubahan dalam maklumat hubungan pelanggan untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat hubungan pelanggan, anda boleh memberitahu syarikat secara bertulis atau menghubungi terus ke mana-mana cawangan.

Nota: Sekiranya pelanggan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat, anda boleh ke cawangan:

a) Ibu Pejabat Shah Alam

No. 2-11-1, Presint Alami,
Pusat Perdagangan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor.

No. Tel : 03 - 5523 1231 (WhatsApp & Telefon)

b) Pejabat Urusan Cawangan Bangi

5, Jalan 9/2, Taman IKS,
Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

No. Tel : 03-8928 9596 (WhatsApp & Telefon)

c) Pejabat Urusan Cawangan Jitra

No. 260A, Jalan PJ 2/2,
Pekan Jitra 2,
06000 Jitra, Kedah.

No. Tel : 04 - 917 2347 (WhatsApp & Telefon)

d) Pejabat Urusan Cawangan Alor Setar

No. 216, Jalan Shahab 4
Shahab Perdana,
05150 Alor Setar, Kedah

No. Tel : 03 - 736 4291 (WhatsApp & Telefon)

e) Media Sosial

Facebook : Meem Gold
Instagram : meemgoldhq
Telegram : Meem Gold HQ
TikTok : meemgoldhq
YouTube : MEEM Gold

*** Makluman bahawa pihak MEEM Gold berhak untuk menukar mana-mana polisi tanpa sebarang notis. ***